

Semua sambut baik RRJP3

UM 4 APR 2001

RK KUALA LUMPUR 3 April. Pelbagai pihak hari ini menyambut baik rancangan pembangunan negara untuk tempoh 10 tahun yang diumumkan dalam pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) hari ini.

Mereka menyifatkan perancangan kerajaan itu sebagai cukup progresif dan memperlihatkan persediaan negara untuk menghadapi era globafisasi serta mencapai matlamat Wawasan 2020.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak berkata, penguaman kerajaan mengenai latihan untuk para pekerja adalah sesuatu yang sangat dialu-alukan kerana dalam era dunia tanpa sempadan ini, para pekerja perlu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam sesuatu bidang.

"Dunia tanpa sempadan ini penuh dengan cabaran, kita harus berganding bahu dengan industri lain dan latihan perlu diberikan kepada pekerja bagi meningkatkan skil mereka," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas mengenai perancangan 10 tahun kerajaan yang bentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Zainal, sejajar dengan pengumuman Perdana Menteri itu, para majikan sewajarnya memperuntukkan sebahagian daripada helanjawannya untuk memberikan latihan kepada pekerja.

"Majikan tidak boleh me-

nyerahkan kepada kerajaan sahaja untuk melatih pekerja, mereka harus bergerak sendiri memberi latihan kerana pekerja yang mahir akan meningkatkan produktiviti syarikat," ujarnya.

Selain itu, katanya, majikan juga perlu mempertimbangkan soal pendapatan pekerja iaitu dengan memastikan gaji yang diberi adalah munasabah serta herasaskan kepada kos sara hidup di negara ini.

Sementara itu, Presiden

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), N. Siva Subramaniam, yang turut menyokong perancangan itu berkata, RRJP3 meletakkan Malaysia pada landasan yang betul untuk mencapai kemajuan.

"Perancangan yang dibuat kena pada tempatnya dan menjamin kemajuan negara untuk masa akan datang," ujarnya.

Beliau turut menyambut baik penekanan mengenai aspek latihan untuk peker-

ja yang terkandung dalam rancangan tersebut kerana menyifatkannya sangat penting bagi memastikan tenaga kerja di negara ini berdaya saing.

Mencapai

Dalam perkembangan berkaitan, Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohammad berkata, pihaknya mengalu-alukan rancangan tersebut kerana ia menunjukkan komitmen kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020.

"GPMS berharap perancangan yang dibuat dapat dilaksanakan dengan bersepadu oleh semua pihak yang terlibat secara langsung mengendalikannya," katanya.

Beliau menambah, parti-parti pembangkang juga harus melihat perancangan kerajaan itu dari sudut yang positif dan tidak dieksploitasi untuk kepentingan politik.

"Matlamat kita adalah melahirkan bangsa Malaysia yang maju dan kita tidak mahu rancangan yang dibuat itu dieksploitasi untuk kepentingan sesiapa," katanya.

hampir kepada pencapaian matlamat Wawasan 2020," katanya ketika membentangkan RRJP3 di Dewan Rakyat pagi ini.

Dr. Mahathir bagaimanapun mengingatkan kejayaan DWN memerlukan komitmen sepenuhnya daripada seluruh rakyat dan mereka perlu berseedia untuk bekerja kuat.

"Kita hendaklah bersedia mencipta semula diri kita, mengubah cara pemikiran kita, berinovatif, pintar dan berdisiplin serta mempunyai *sense of urgency* dalam menghadapi cabaran yang semakin meningkat," katanya.

Perdana Menteri menambah: "Kini kita berpindah pula kepada fasa kedua Wawasan 2020." Ekonomi negara di bawah RRJP3 disasarkan berkembang pada kadar purata 7.5 peratus setahun dalam tempoh RRJP3, walaupun ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar 2.3 peratus bagi tempoh tersebut.

Kadar inflasi pula akan dikcekang pada tahap yang rendah dalam tempoh RRJP3 manakala usaha akan dijalankan untuk memastikan kenaikan upah selaras dengan peningkatan produktiviti.

Mengenai pemilikan bumiputera dalam sektor korporat, Dr. Mahathir menegaskan program penswastaan merupakan jentera penting bagi meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor korporat.

Justeru, syarikat yang melaksanakan projek penswastaan disyaratkan untuk memberi sekurang-kurangnya 30 peratus daripada ekuiti kepada bumiputera serta memperuntukkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada kerja kontrak bagi projek besar kepada kontraktor bumiputera.

Perdana Menteri menghuraikan bahagian pemilikan golongan itu pada awalnya meningkat kepada 20.6 peratus pada tahun 1995 tetapi ekoran krisis ekonomi, ia berkurangan kepada 19.1 peratus.

Bahagian pemilikan bukan bumiputera juga terjejas.

"Bagaimanapun, daripada segi jumlah, pemilikan ekuiti bumiputera dan bukan bumiputera telah meningkat," katanya.

Dalam penentuan pemilikan ekuiti oleh bukan bumiputera pula, bahagian bagi keturunan India akan diberi perhatian.

Membasmi

Dalam menggariskan program membasmi kemiskinan, Dr. Mahathir berkata program sedia ada akan digabung dan digiatkan semula di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, sekalipun Malaysia telah mencapai kemajuan pesat dalam pembasmian kemiskinan.

Di bawah skim itu, kerajaan merancang kadar kemiskinan dapat dikurangkan kepada 0.5 peratus dalam tempoh lima tahun, katanya sambil memberitahu kadar kemiskinan rakyat Malaysia telah berjaya dikurangkan kepada 1.5 peratus pada tahun 1999.

Sejumlah 351,100 isi rumah telah dikeluarkan daripada paras kemiskinan dengan kadar kemiskinan di bandar dan luar bandar berkurangan hampir separuh daripada tahap kemiskinan yang dicatatkan pada tahun 1990.

Sungguhpun begitu, jelas Dr. Mahathir, kadar kemiskinan di kalangan bumiputera kekal tertinggi berbanding kumpulan etnik lain.

Jadi, kata beliau, program pembasmian kemiskinan akan lebih bersifat khusus bagi menangani kelompok kemiskinan di pelbagai wilayah terutama di pedalaman serta di kalangan kumpulan yang belum menikmati faedah pembangunan.

"Pendekatan utama bagi membasmi kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup penduduk ialah pendidikan," jelas Perdana Menteri.

Sehubungan itu, kerajaan akan menggalakkan lagi pembelajaran sepanjang hayat dan menyediakan kemudahan supaya orang ramai dapat terus menguasai ilmu pengetahuan.

Selain itu, penyediaan perkhidmatan kesihatan dan kemudahan sosial lain akan membantu mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup, katanya.

Sementara itu, peluang ekonomi yang lebih banyak di pusat-pusat bandar terus menarik lebih ramai rakyat tinggal di bandar berbanding dengan kawasan luar bandar.

Kira-kira tiga perlima daripada rakyat Malaysia tinggal di kawasan bandar pada tahun 2000 berbanding dengan hanya separuh pada tahun 1990.

Kata Dr. Mahathir, peningkatan penduduk bandar itu bagaimanapun telah membawa fenomena baru, iaitu perluasan kawasan setinggan dan kemiskinan secara relatif di bandar di kalangan bumiputera dan kaum India.

Di samping mengambil kira strategi utama dasar yang lepas seperti Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional, dimensi baru DWN merangkumi tujuh perkara antaranya :

- Membangunkan Malaysia sebagai sebuah masyarakat berasaskan pengetahuan;

- Menjana pertumbuhan berdasarkan sumber dan kekuatan tempatan melalui pengukuhan pelaburan dalam negeri dan pembangunan keupayaan tempatan di samping terus menarik pelaburan langsung asing (FDI) di bidang strategik;

- Menjadikan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan lebih dinamik dengan mempelbagai serta meningkatkan penerapan pengetahuan;

- Mencapai penyertaan bumiputera secara berkesan dalam sektor utama ekonomi; dan

- Merubah pembangunan sumber manusia bagi menyokong pembentukan masyarakat yang berasaskan pengetahuan.

Dr. Mahathir juga menjelaskan DWN akan memperkukuhkan daya saing dan daya tahan negara serta mewujudkan masyarakat yang saksama bagi memastikan kestabilan dan perpaduan negara.

Antara tujuh teras utama DWN ialah:

- Membina bangsa yang berdaya tahan dengan memupuk perpaduan dan menyemarakkan semangat patriotik;

- Mewujudkan masyarakat yang saksama melalui pembasmian kemiskinan;

- Mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan mengukuhkan sumber pertumbuhan, institusi kewangan dan korporat;

- Mempertingkatkan daya saing untuk menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi; dan

- Membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Perdana Menteri seterusnya menjelaskan dasar pembangunan negara akan ditumpukan ke arah membina negara yang berdaya tahan dan mampu

bersaing di pasaran dunia, dengan mengambil kira cabaran globalisasi.

"Sempadan negara tidak lagi boleh diharapkan untuk melindungi pasaran tempatan bagi produk yang berkualiti rendah dan berharga tinggi.

"Untuk menghasilkan khidmat dan barangan berdaya saing di seluruh dunia, kita rakyat Malaysia perlu lebih berdisiplin dan lebih bijak dalam segala urusan kerja kita.

"Krisis kewangan yang baru berlalu menunjukkan pentingnya kepintaran berfikir dan daya tahan dipertingkatkan," tambah beliau.

Eksport pula terutama barangan buatan, katanya, akan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Eksport keluaran pembuatan berasaskan pertanian dan sumber juga dijangka meningkat selaras dengan perkembangan pemprosesan hasil pertanian tempatan serta pembangunan Malaysia sebagai hub (pusat) makanan halal antarabangsa.

Perdana Menteri menjelaskan langkah akan diambil untuk menggiatkan semula sektor pertanian bagi meningkatkan sumbangannya kepada pertumbuhan serta pewujudan kekayaan, dengan penekanan kepada pengeluaran makanan melalui penglibatan sektor swasta secara lebih besar.

Pada peringkat awal ucapannya, Perdana Menteri mengingatkan rakyat bahawa kesejahteraan Malaysia adalah tanggungjawab mereka dan kerajaan yang dipilih.

"Kita telah menunjukkan bahawa apabila kepentingan Malaysia tercabar, kita sanggup menentang arus atau apa yang dikatakan sebagai norma antarabangsa," katanya.